




PEMERINTAHAN
BERAJA
DI ALAM
MELAYU
MERENTAS
ZAMAN

Editor
RAMLAH ADAM



DBP

PEMERINTAHAN
BERAJA
DI ALAM
MELAYU
MERENTAS
ZAMAN

Editor
RAMLAH ADAM

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2016

KK 959-320-0002011-49-1243-40101

Cetakan Pertama 2016
© Panel Penulis dan Editor 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

PEMERINTAHAN BERAJA DI ALAM MELAYU MERENTASI

ZAMAN / Editor : Ramlah Adam.

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-1243-7

1. Malaysia--Kings and rulers. 2. Monarchy--History--Malaysia.

3. Malaysia--Politics and government. 4. Malaysia--History.


I. Ramlah Adam, 1950-.

959.5

Dicetak oleh
Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

| | | |
|--------|--|-----|
| Bab 5 | Hubungan Luar Kesultanan Kedah Berdasarkan Manuskrip Melayu <i>Mohd Kasturi Nor Abd Aziz</i> | 103 |
| Bab 6 | Surat Menyurat Aristokrat Melayu dalam Memohon Jawatan Orang Besar Selangor 1898-1938 <i>Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria</i> | 125 |
| Bab 7 | Sejarah Kesultanan Melayu Deli (1632-1891) <i>Suprayitno</i> | 172 |
| Bab 8 | Keberadaban Unggul Melayu dalam Hubungan Antarabangsa: Ciri-ciri Hubungan Luar Kesultanan Terengganu <i>Mohamed Anwar Omar Din, Mat Zin bin Mat Akib, Zulayti Zakaria dan Hamdan Aziz</i> | 208 |
| Bab 9 | Kesultanan Kedah: Beberapa Persoalan yang Belum Terungkai dalam Sejarah Negeri <i>Mohd Kasri Saidon dan Ishak Saat</i> | |
| Bab 10 | <i>Sejarah Melayu</i> dari Perspektif Komunikasi Visual: Suatu Pendekatan Teori <i>Mise-en-Scene</i> <i>Asiah Sarji, Hanif Suhairi Abu Bakar, Ameer Fuhaili Mohammad Hashim dan Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob</i> | 260 |
| Bab 11 | Kajian Mengenai Pengetahuan Rakyat tentang Institusi Raja Di Malaysia <i>Ramlah Adam dan Wahidatul Shamimi Termizi</i> | 292 |
| | <i>Indeks</i> | 369 |



BAB 8
KEBERADABAN UNGGUL MELAYU
DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA:
CIRI-CIRI HUBUNGAN LUAR KESULTANAN
TERENGGANU

Mohamed Anwar Omar Din


Mat Zin Mat Kib

Zulayti Zakaria

Pengenalan

Satu daripada topik yang terabai dalam pelbagai bidang pengajian di Malaysia, baik dalam bidang sejarah, politik, ekonomi, pembangunan, sosial mahupun hubungan antarabangsa ialah peranan raja-raja Melayu. Walhal hampir tidak ada aspek, baik pada masa lalu mahupun masa kini, yang tidak melibatkan raja-raja Melayu. Dalam bidang sejarah dan politik, misalnya, pembentukan dan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1957 merupakan hasil daripada perjanjian-perjanjian antara Kerajaan Britain dengan raja-raja Melayu yang berlaku sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Namun ahli sejarah lebih banyak memberikan tumpuan terhadap UMNO-Perikatan yang merupakan *de facto* dan kegiatan golongan kiri (sekiranya berjaya) hanya akan menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai provinsi Republik Indonesia.

Sebenarnya faktor yang membawa negara ini dapat berada dalam keadaan aman dan stabil hingga hari ini adalah kerana adanya institusi raja Melayu sebagai tonggakunya. Contohnya, Fasal 153 meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai pelindung kepentingan Melayu dan bumiputera lain, merupakan asas utama berlakunya kesamarataan pembahagian kekayaan negara. Dari segi sejarah, hampir tidak ada episod sejarah negara ini yang



tidak melibatkan raja-raja Melayu. Dalam hubungan antarabangsa kontemporari, duta-duta Malaysia di luar negara ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Keterabaian peranan raja-raja Melayu dalam aspek ini menyebabkan segala bidang pengajian Malaysia tidak sempurna. Oleh itu, memang wajarlah sekiranya sejarah Malaysia perlu ditulis semula tetapi sekiranya ada usaha secara serius mahu menulis semula sejarah Malaysia, maka perkara paling asas yang perlu dilakukan ialah meletakkan peranan raja-raja Melayu sebagai asas bagi seluruh penulisan tersebut. Bab ini merupakan suatu usaha kecil untuk mengisi kekurangan dalam sejarah Malaysia itu. Tumpuan perbincangan ialah topik yang paling jarang diperkatakan, iaitu peranan raja-raja Melayu dalam hubungan luar dengan tumpuan terhadap hubungan luar raja-raja Terengganu. Tidak dinafikan sudah terdapat tulisan tentang hubungan luar raja-raja Melayu. Antara tulisan yang berkaitan topik ini termasuklah oleh Gullick (1992). Perbincangan ini berusaha menambah fakta tentang hubungan luar rakyat raja Melayu dengan menggarapkan dasar hubungan luar Kesultanan Terengganu.

Isu-isu pokok yang diperkatakan dalam bab ini ialah kenapakah hubungan luar penting bagi kedaulatan negeri-negeri Melayu? Apakah dasar-dasar hubungan luar Kesultanan Terengganu yang dijalankan dalam sejarah? Bagaimanakah raja-raja Terengganu memmanifestasikan ciri-ciri peradaban dalam hubungan luar? Apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada dasar-dasar hubungan luar yang dijalankan oleh raja-raja Terengganu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua?

Tidaklah dinafikan bahawa pendekatan teori dahulu berguna kerana teori tersebut dapat dijadikan alat analisis untuk menyusun, menstruktur dan mencerakinkan pelbagai



PEMERINTAHAN BERAJA DI ALAM MELAYU MERENTAS ZAMAN

Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman ini menghurai beberapa persoalan tentang kepentingan kepimpinan raja dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan, negeri dan tanah jajanya takluknya, di Alam Melayu. Antara persoalan itu termasuklah raja sebagai pemerintah mutlak (raja mutlak) kerajaannya dalam semua perkara, iaitu segi pentadbiran, kehakiman, ekonomi, kemasyarakatan, hubungan luar dan pelindung agama Islam sejak dahulu sehingga kini.

Secara keseluruhannya setiap artikel dalam buku ini membincangkan sejarah, peranan dan kepimpinan raja-raja dalam kerajaan masing-masing yang memberikan kesan dan impak kepada pemerintahan dan imej kerajaan mereka di mata dunia dan masyarakat sekelilingnya. Tindakan raja-raja menjadi saksi sejarah kepada tamadun yang mereka bina dan tinggalkan sebagai warisan kepada anak bangsanya. Walaupun negeri-negeri yang dibincangkan hanya beberapa buah sahaja, namun cukup menjadi bukti kepada berlakunya hubungan luar yang berat sebelah. Namun begitu, juga negeri Melayu yang memperlihatkan kebijaksanaan pemerintahan dalam mengendalikan hal ehwal kerajaannya.

Penerbitan buku ini dapat menambahkan lagi literatur tentang institusi dalam perbendaharaan ilmu warisan bangsa. Diharapkan buku ini merujuk generasi muda dalam mengendalikan penyelidikan bidang sejarah di negara ini dan menjadi pencerah kepada keraguan tentang isu kepimpinan diraja dalam tamadun bangsa dan negara. Di samping itu, buku ini juga dapat dijadikan pendorong kepada penyelidikan dan penulisan yang lebih jauh sehingga dapat menghasilkan pencerahan yang lebih baik pada masa hadapan.